

## KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH 2026

<b>NAMA</b>	Kursus Asas Kejurulatihan Memanah 2026
<b>TARIKH</b>	11-12 Julai 2026 (Sabtu & Ahad)
<b>TEMPAT</b>	Universiti Sains Islam Malaysia
<b>PENGANJUR</b>	Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)
<b>KELAYAKAN PESERTA</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.</li> <li>2. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.</li> <li>3. Mempunyai pengalaman dalam sukan memanah selama 3 tahun.</li> </ol>
<b>YURAN PENYERTAAN</b>	<p><b>RM250.00/ peserta</b> (Yuran termasuk sijil NAAM yang diiktiraf serta minum pagi, makan tengah hari dan minum petang).</p> <p>Pembayaran yuran hendaklah dibuat secara perbankan atas talian (online banking) sahaja.</p> <p>Nama Bank : <b>BANK ISLAM</b>          No. Akaun : <b>14032020330336</b>          Nama Akaun : <b>NOR FARRAHLIZA BINTI SOON MUSTAFA</b></p> <p>Ref 1 : <b>KURSUS ASAS JURULATIH</b>          Ref 2 : <b>MEMANAH</b></p> <p>Bayaran hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 2 Julai 2026 (Khamis). Peserta diminta untuk <b>menghantar bukti pembayaran melalui Whatsapp</b> kepada pihak urus setia, <b>019-666 8579 (Siti Balqis)</b>.</p> <p>Yuran yang telah dibayar tidak akan dipulangkan sekiranya pembatalan dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum kursus.</p>
<b>PENDAFTARAN</b>	<p>Pendaftaran kursus hendaklah dibuat melalui sistem <b>MAREOS</b> (<a href="https://mareos.masarchery.org">https://mareos.masarchery.org</a>)</p> <p>Hanya peserta yang telah mendaftar dalam MAREOS dan menjelaskan bayaran yuran kursus sebelum tarikh tutup sahaja akan diterima untuk mengikuti kursus.</p>
<b>JADUAL KURSUS, MANUAL &amp; SIJIL PENYERTAAN</b>	Disediakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)
<b>TANGGUNGJAWAB PESERTA</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri <b>KECUALI</b> dimaklumkan oleh pihak penganjur.</li> <li>2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur <b>TIDAK BERTANGGUNGJAWAB</b> di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.</li> <li>3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi</li> </ol>

	<p>sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Semua peserta kursus haruslah <b>BERPAKAIAN SUKAN</b>, kemas dan tidak menjolok mata.</li> <li>5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>6. Semua peserta <b>DIWAJIBKAN</b> berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.</li> <li>7. Semua peserta <b>DIWAJIBKAN</b> untuk membawa peralatan memanah sendiri.</li> <li>8. Yuran perlu dijelaskan semasa pendaftaran pada hari pertama kursus.</li> </ol>
<b>TANGGUNGAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM).</li> <li>2. Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM.</li> <li>3. Peserta atau penceramah yang tidak mematuhi arahan akan diminta meninggalkan premis tersebut.</li> </ol>
<b>PENGINAPAN &amp; PENGANGKUTAN</b>	Pihak penganjur tidak menyediakan kemudahan penginapan atau pengangkutan. Segala urusan berkaitan adalah di bawah tanggungjawab peserta.
<b>WHATSAPP GROUP LINK</b>	
<b>URUS SETIA</b>	<p>Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, boleh diajukan kepada urus setia program:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Irwan Nasrun Bin Hisamudin 019-2190105   Pengarah</li> <li>• Nur Adilla Binti Zakaria 013-9614753   Timbalan Pengarah</li> </ul>